

**Sekat Perwakilan Mufliis Daripada Mengundi Untuk Kebaikan Parti - Mohd Shafie Bernama**  
**8 Oct, 2013**

PENDANG, 8 Okt (Bernama) -- Tindakan Umno menyekat 1,703 perwakilan yang mufliis daripada mengundi pada pemilihan parti merupakan tindakan tepat demi kebaikan parti, kata Naib Presidennya Datuk Seri Mohd Shafie Apdal.

Beliau berkata tindakan itu juga diambil bagi memastikan mesyuarat tidak terbatal semata-mata kerana ada perwakilan melanggar peraturan.

Umno memandang serius perkara ini kerana tidak mahu timbul pelbagai masalah kelak, katanya kepada pemberita hari ini.

Mohd Shafie yang juga Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah ditemui selepas melawat Program Bantu Rumah (PBR) di Kampung Paya Sulaiman, Padang Pusing di sini.

Katanya ketegasan itu juga boleh menarik minat orang ramai untuk menyertai Umno.

Mengenai Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Sungai Limau, beliau berkata Umno boleh mencatat kemenangan jika semua jentera parti itu bersatu.

Suruhanjaya Pilihan Raya menetapkan PRK DUN Sungai Limau diadakan pada 4 Nov manakala hari penamaan calon 23 Okt.

Kerusi DUN Sungai Limau yang terletak dalam kawasan Parlimen Jerai diisytihar kosong berikutan kematian penyandang Tan Sri Azizan Abdul Razak yang juga bekas Menteri Besar Kedah, pada 26 Sept lepas.

Pada pilihan raya umum ke-13 Mei lalu, Azizan mempertahankan kerusi DUN Sungai Limau yang dimenangnya sejak 1995 untuk PAS, dengan menewaskan sepupu beliau Fazillah Mohd Ali yang mewakili BN dengan majoriti 2,774 undi.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=984206>